

0612

B B268 DEB
MAHATHIR - TRADISI RRR

IPOH, 10 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, SAMBIL MENYATAKAN DUKACITA DENGAN PERGOLAKAN DALAM UMNO KINI AKIBAT PEREBUTAN UNTUK MEMEGANG KUASA, BERPENDAPAT TRADISI UMNO YANG DIAMALKAN SELAMA INI TIDAK MEMBENARKAN PEMIMPINNYA DICABAR.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA TRADISI ITU DIAMALKAN UNTUK MENJAMIN KETENANGAN DALAM PARTI DAN MENGELAKKAN PERPECAHAN.

PERDANA MENTERI DAN PRESIDEN UMNO ITU BERKATA, PERTANDINGAN BAGAIMANAPUN BOLEH DIBUAT UNTUK MEREbut JAWATAN NOMBOR DUA (TIMBALAN PRESIDEN).

+INI BAGI MEMBOLEHKAN ORANG NOMBOR DUA NAIK KEPADA JAWATAN NOMBOR SATU (KEMUDIANNYA), TAK PAYAH JADI MASALAH. SEBAB ITU KITA CUBA ELAK DARIPADA PERTANDINGAN PERINGKAT NOMBOR SATU,+ TAMBAHNYA KETIKA MERASMIKAN BANGUNAN MAJU-UMNO KEPUNYAAN UMNO PERAK DI SINI PETANG INI.

BELIAU KESAL KERANA ADA PIHAK YANG BERPENDAPAT BAHAWA INI ADALAH TRADISI KOLOT YANG TIDAK SESUAI DENGAN AMALAN DEMOKRASI.

+KITA BOLEH BERTANDING. KITA BOLEH BERTANDING SECARA YANG SOPAN. TIDAK PERLU ADA KEMPEN,+ TAMBAH BELIAU SAMBIL MENGGESA PARA ANGGOTA MENKAJI PEMILIHAN PUCUK PIMPINAN UMNO DAHULU. -- LAGI.
1923MST 10 04 87

0617

B B272 DEB
MAHATHIR - TRADISI 2 IPOH RRR

MENGENAI DEMOKRASI, PERDANA MENTERI MENGINGATKAN ANGGOTA UMNO SUPAYA TIDAK TERIKUT-IKUT DENGAN AMALAN DEMOKRASI NEGARA LAIN KERANA IA TIDAK SESUAI DENGAN BUDAYA DAN PERADABAN BANGSA MELAYU.

KALAU ORANG BARAT BOLEH MENARI, BERSELUAR PENDEK DAN BERKELAKUAN ANEH DALAM PERARAKAN, ITU ADALAH SESUAI DENGAN ADAT RESAMNYA YANG TIDAK SESUAI DAN MENJOLOK MATA PADA PANDANGAN BANGSA MELAYU UNTUK DIAMALKAN, TAMBAHNYA.

BELIAU KEMUDIANNYA MENYINGKAP SEJARAH PEMILIHAN PEMIMPIN UMNO SEJAK ALLAHYARHAM DATUK ONN JAAFAR, TUNKU ABDUL RAHMAN AL-HAJ, ALLAHYARHAM TUN RAZAK, TUN HUSSEIN ONN SEHINGGALAH KEPADA BELIAU, YANG KESEMUANYA DIPILIH TANPA PERLU BERKEMPEN +KE SANA KE MARI.+

MEREKA TIDAK PERLU MENUDUH ITU DAN INI, TAPI MEREKA DIPILIH KERANA KEPERCAYAAN DAN SOKONGAN ANGGOTA SEJAJAR DENGAN PERADABAN DAN BUDAYA MELAYU YANG SEBENAR, KATANYA.

MENGENAI PERGOLAKAN SEKARANG, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BAHAWA BELIAU PADA MULANYA TIDAK BERNIAT LANGSUNG UNTUK BERKEMPEN ATAU MENJELAJAH KE SELURUH NEGARA UNTUK MENGHADAPI ANGGOTA PARTI BAGI MENJELASKAN KEDUDUKAN SEBENAR YANG DIHADAPI. -- LAGI.
1933MST 10 04 87

D620

B B273 DEB
MAHATHIR - TRADISI 3 IPOH RRR

BAGAIMANAPUN, TAMBAH BELIAU, ADA PIHAK YANG MENABUR PELBAGAI FITNAH MEMBURUK-BURUKANNYA SEHINGGA BELIAU +TERPAKSA MENGHADAPI RAKYAT UNTUK MENJELASKAN KEDUDUKAN SEBENAR.+

KATANYA, BELIAU DALAM KEADAAN SERBA SALAH KERANA JIKA BELIAU TIDAK MENJELASKAN KEDUDUKAN SEBENAR, RAKYAT AKAN TERPENGARUH DAN PERCAYA DENGAN FITNAH YANG DITABURKAN, SEDANGKAN PIHAK TERTENTU PULA BERPENDAPAT BELIAU +BERKEMPEN+ UNTUK MEMPERTAHKAN KEDUDUKANNYA.

BELIAU AMAT SEDIH DENGAN KEADAAN INI KERANA TERPAKSA +BERKEMPEN MACAM PILIHAN RAYA, SEDANGKAN YANG DIHADAPI ADALAH SESAMA KITA DALAM KELUARGA,+ TAMBAHNYA.

BELIAU BERKATA ADA PIHAK YANG MENIMBULKAN PELBAGAI ISU MENJELANG PEMILIHAN SEHINGGA SEOLAH-OLAH MENJADI SUARA PARTI PEMBANGKANG.

+KALAU SAYA TIDAK MENDENGAR ORANG YANG BERCAKAP MENGENAI ISU ITU, SAYA TENTU BERPENDAPAT IA DISUARAKAN OLEH (LIM) KIT SIANG,+ TAMBAHNYA TETAPI ENGGAN MENYEBUT SIAPA YANG DIMAKSUDKANNYA KERANA, KATANYA, +ADA PIHAK YANG TAHU SIAPA DIA+. -- LAGI.

1939MST 10 04 87

B B274 DEB
MAHATHIR - TRADISI 4 IPOH RRR

+INILAH YANG MENGHAIRKAN. KALAU DAHULU PROJEK JAMBATAN PULAU PINANG DAN LAIN-LAIN ADALAH BAIK, MENGAPA SEKARANG JADI TIDAK BAIK, MEMBAZIR?, + TANYA PERDANA MENTERI SAMBIL MENJAWAB, +INI ADALAH KERANA ADA JAWATAN TERTENTU YANG DITANDINGI.+

+KALAU BEGINI SUSAH SIKITLAH. (KALAU) BAIK, BAIKLAH. INI TIDAK BETUL. PEMIMPIN MESTI(LAH) JUJUR, LURUS,+ KATANYA LAGI.

BELIAU JUGA MENEGASKAN BAHAWA KEPIMPINAN KERAJAAN YANG ADA SEKARANG TIDAK PERLU DITUKAR KERANA BARU LAPAN BULAN LEPAS RAKYAT MEMBERI MANDAT KEPADA BARISAN PEMIMPIN YANG ADA MELALUI PILIHAN RAYA UMUM, TERMASUK KEPADA UMNO YANG MENCAPI KEJAYAAN CEMERLANG TANPA MENGALAMI SEBARANG KEKALAHAN.

+KALAU DAHULU UMNO BERTANDING 86 KERUSI DAN KALAH 40 KERUSI, ELOKLAH DIBUANG PEMIMPIN YANG ADA TERMASUK SAYA, TETAPI HAKIKATNYA KITA MENANG,+ KATANYA LAGI.

BELIAU JUGA MENARIK PERHATIAN KEPADA ISU-ISU YANG DIMAINKAN OLEH PARTI PEMBANGKANG DALAM PILIHAN RAYA ITU SEPERTI KRISIS KEYAKINAN KEPADA PEMIMPIN, RASUAH, KEMELESETAN EKONOMI DAN SEUMPAMANYA YANG KINI DIMAINKAN PULA OLEH KALANGAN DALAM PARTI UNTUK PEMILIHAN PUCUK PIMPINAN PARTI. -- LAGI.

1941MST 10 04 87

B B278 DEB
MAHATHIR - TRADISI 5 IPOH RRR

BELIAU JUGA MEMBERI AMARAN BAHAWA TIDAK ADA SESIAPA JUGA YANG BERHAK MEMECAHBELAHKAN UMNO TERUTAMA GENERASI BARU YANG MEWARISI UMNO SECARA PERCUMA SETELAH IA DITUBUHKAN OLEH PARA PEMIMPIN DAHULU YANG BERJUANG BERMATI-MATIAN UNTUK MEMBELA BANGSA MELAYU.

UMNO JUGA BUKAN TEMPAT UNTUK BERMAIN-MAIN UNTUK MENUNJUKKAN KEGAGAHAN KERANA IA ADALAH PELINDUNG KEPADA BANGSA MELAYU, TAMBAHNYA.

BELIAU JUGA MENYIFATKAN KALANGAN TERTENTU SEBAGAI TIDAK BERUPAYA LAGI +MEMBENDUNG BENGKAK YANG KIAN MEMBESAR YANG HAMPIR MELETUP+ DALAM Mencari Tampuk Kekuasaan Tanpa Menghiraukan Akibatnya Kepada UMNO.

+SAYA TIDAK MENYEBUT NAMA SESIAPA. INI CAKAP UMUM SAHAJA, TAHU SAMA TAHULAH SIAPA-SIAPA,+ TAMBAH BELIAU YANG TURUT MENYATAKAN KESAL DENGAN KALANGAN YANG MEMPERALATKAN UMNO UNTUK MENCAPI MAKSUD TERTENTU. -- BERNAMA.

2006MST 10 04 87